



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 15 Februari 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Bapa sebabkan kematian anak didenda, dikenakan khidmat masyarakat 120 jam</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/935838/bapa-sebabkan-kematian-anak-didenda-dikenakan-khidmat-masyarakat-120-jam">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/935838/bapa-sebabkan-kematian-anak-didenda-dikenakan-khidmat-masyarakat-120-jam</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064058/bayi-3-bulan-meninggal-bapa-didenda-rm10000-kerana-cuai">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064058/bayi-3-bulan-meninggal-bapa-didenda-rm10000-kerana-cuai</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cuai-bapa-didenda-rm10000-sebabkan-kematian-bayi-tiga-bulan-406478">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cuai-bapa-didenda-rm10000-sebabkan-kematian-bayi-tiga-bulan-406478</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/bapa-sebabkan-kematian-bayi-sulung-didenda-rm10000/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/bapa-sebabkan-kematian-bayi-sulung-didenda-rm10000/</a></p>	<p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Utusan</b></p>	<p><b>Neutral</b></p>

	<p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/245136/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-maut-bapa-cuai-didenda-rm10000">https://www.sinarharian.com.my/article/245136/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-maut-bapa-cuai-didenda-rm10000</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164386">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164386</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/home/bapa-didenda-rm10000-sebabkan-kematian-bayi-tiga-bulan-BE10634757">https://www.thesundaily.my/home/bapa-didenda-rm10000-sebabkan-kematian-bayi-tiga-bulan-BE10634757</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/bapa-didenda-rm10000-kerana-cuai-punca-kematian-bayi/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/bapa-didenda-rm10000-kerana-cuai-punca-kematian-bayi/</a></p> <p><a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/14/cuai-hingga-bayi-meninggal-bapa-didenda-rm10000/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/14/cuai-hingga-bayi-meninggal-bapa-didenda-rm10000/</a></p> <p><a href="https://mediavariasi.com/2023/02/bayi-3-bulan-maut-bapa-didenda-rm10000/">https://mediavariasi.com/2023/02/bayi-3-bulan-maut-bapa-didenda-rm10000/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/655053">https://www.malaysiakini.com/news/655053</a></p>	<p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Bernamea</b></p> <p><b>The Sun Daily</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>FMT</b></p> <p><b>Media Variasi</b></p> <p><b>MalaysiaKini</b></p>	
2	<p><b>Budak lelaki lemas mandi dalam parit</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-lemas-ketika-memancing-meninggal-dunia-406575">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-lemas-ketika-memancing-meninggal-dunia-406575</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/budak-lelaki-lemas-mandi-dalam-parit/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/budak-lelaki-lemas-mandi-dalam-parit/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064310/budak-lelaki-lemas-mandi-parit">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064310/budak-lelaki-lemas-mandi-parit</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/245202/berita/semasa/dua-budak-lelaki-nyaris-lemas-mandi-di-parit">https://www.sinarharian.com.my/article/245202/berita/semasa/dua-budak-lelaki-nyaris-lemas-mandi-di-parit</a></p> <p><a href="https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/02/14/dua-budak-lelaki-nyaris-lemas-mandi-di-parit/">https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/02/14/dua-budak-lelaki-nyaris-lemas-mandi-di-parit/</a></p> <p><a href="https://kampungmamak.com/budak-lelaki-lemas-mandi-dalam-parit/">https://kampungmamak.com/budak-lelaki-lemas-mandi-dalam-parit/</a></p> <p><a href="https://deasoka.com/2023/kanak-kanak-lelaki-lemas-mandi-parit/semasa/">https://deasoka.com/2023/kanak-kanak-lelaki-lemas-mandi-parit/semasa/</a></p> <p><a href="https://kupikupifm.my/kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-parit/">https://kupikupifm.my/kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-di-parit/</a></p>	<p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Portal Sinar Harian</b></p> <p><b>Kampung Mamak</b></p> <p><b>Deasoka</b></p> <p><b>KupiKupi FM</b></p>	Neutral

	<a href="https://wartaoriental.com/2023/02/14/2-kanak-kanak-nyaris-maut-ketika-memancing-mandi-manda-dalam-parit-di-kota-marudu/">https://wartaoriental.com/2023/02/14/2-kanak-kanak-nyaris-maut-ketika-memancing-mandi-manda-dalam-parit-di-kota-marudu/</a>	<b>Warta Oriental</b>	
<b>3</b>	<p><b>Bayi lelaki ditinggalkan dalam peti pelindung bayi</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064099/bayi-lelaki-ditinggalkan-dalam-peti-pelindung-bayi">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064099/bayi-lelaki-ditinggalkan-dalam-peti-pelindung-bayi</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935853/bayi-lelaki-ditemukan-dalam-peti-pelindung-bayi-rumah-kebajikan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935853/bayi-lelaki-ditemukan-dalam-peti-pelindung-bayi-rumah-kebajikan</a></p>	<p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p>	<b>Neutral</b>
<b>4</b>	<p><b>Bapa muda didakwa rogol remaja bawah umur</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/02/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/02/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935899/bapa-muda-dituduh-rogol-dan-laku-amang-seksual-remaja-bawah-umur-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935899/bapa-muda-dituduh-rogol-dan-laku-amang-seksual-remaja-bawah-umur-metrotv</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-dalam-bilik-stor/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-dalam-bilik-stor/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/14/penganggur-didakwa-rogol-remaja-15-tahun/">https://malaysiagazette.com/2023/02/14/penganggur-didakwa-rogol-remaja-15-tahun/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/245144/berita/semasa/lelaki-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur">https://www.sinarharian.com.my/article/245144/berita/semasa/lelaki-didakwa-rogol-remaja-bawah-umur</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-muda-didakwa-rogol-amang-seksual-remaja-perempuan-bawah-umur-406449">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-muda-didakwa-rogol-amang-seksual-remaja-perempuan-bawah-umur-406449</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=7N_IWzNu6OM">https://www.youtube.com/watch?v=7N_IWzNu6OM</a>  <a href="https://suaramerdeka.com.my/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-15-tahun/">https://suaramerdeka.com.my/bapa-muda-didakwa-rogol-remaja-15-tahun/</a></p>	<p><b>Utusan</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Malaysia Gazette</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Youtube</b></p>	<b>Neutral</b>
<b>5</b>	<p><b>Nelayan lemas selepas bot berlanggar di Pantai Remis</b></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57314-bot-bertembung-warga-emas-maut">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57314-bot-bertembung-warga-emas-maut</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/nelayan-lemas-selepas-bot-berlanggar-di-pantai-remis/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/14/nelayan-lemas-selepas-bot-berlanggar-di-pantai-remis/</a></p>	<p><b>Berita RTM</b></p> <p><b>Kosmo</b></p>	<b>Neutral</b>

6	<p><b>Banjir Perak: 20 keluarga di Slim River dipindahkan ke PPS</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-perak-20-keluarga-di-slim-river-dipindahkan-ke-pps-406588">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-perak-20-keluarga-di-slim-river-dipindahkan-ke-pps-406588</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936162/20-keluarga-dipindahkan-ke-pps-di-slim-river">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936162/20-keluarga-dipindahkan-ke-pps-di-slim-river</a></p> <p><a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/428273">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/428273</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/771920/banjir-di-slim-river-warga-emas-hanya-sempat-selamatkan-2-kucing">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/771920/banjir-di-slim-river-warga-emas-hanya-sempat-selamatkan-2-kucing</a></p>	<p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>The Malaysian Insight</b></p> <p><b>Berita harian</b></p>	Neutral
7	<p><b>Tujuh beranak nyaris dihalau keluar rumah</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/tujuh-beranak-nyaris-dihalau-keluar-rumah/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/tujuh-beranak-nyaris-dihalau-keluar-rumah/</a></p>	<p><b>Kosmo</b></p>	Neutral

## 1. Bapa didenda RM10,000 kerana cuai punca kematian bayi



KUALA LUMPUR – Akibat cuai, sehingga menyebabkan kematian bayinya berusia tiga bulan pada awal bulan lalu, seorang bapa didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Siti Aminah Ghazali menjatuhkan hukuman itu terhadap Amirul Hakim Muhamad Fadzil, 27, selepas tertuduh mengekalkan pengakuan salah terhadap pertuduhan yang disabitkan ke atasnya.


Selain itu tertuduh juga turut dikenakan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan seorang penjamin tanpa cagaran RM5,000 selain turut diperintah menjalani khidmat masyarakat 120 jam bermula hari ini.

Mengikut pertuduhan, Amirul Hakim didakwa cuai sehingga menyebabkan kematian bayi lelakinya akibat kecederaan pada kepala, di sebuah rumah pangsapuri di Gombak di sini, pukul 4.15 petang pada 3 Januari lalu.

Berikutan itu, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Ahmad Hakimi Wan Ahmad Jaafar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam. – KOSMO! ONLINE

## **2. Budak lelaki lemas mandi dalam parit**



KOTA MARUDU – Seorang kanak-kanak lelaki mati lemas, manakala rakan tidak sedarkan diri selepas mereka mandi di sebuah parit kecil di Jalan Radu di sini, petang tadi.

Mohammad Azam Masrul Abdullah, 10, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian oleh pasukan perubatan Hospital Kota Marudu.

Seorang lagi rakan mangsa yang juga kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun tidak sedarkan diri dan dikejarkan ke hospital untuk rawatan lanjut.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Daerah Kota Marudu, Hasbi Hajat berkata, sepasukan bomba dikerah ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan berhubung mengenai kejadian itu pada pukul 4.49 petang.

“Mangsa pertama berjaya diselamatkan oleh orang awam, namun dilaporkan tidak sedarkan diri.

“Kanak-kanak berkenaan seterusnya dibawa ke hospital oleh orang awam bagi rawatan lanjut.

“Mangsa kedua turut diselamatkan oleh orang awam, tetapi disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi ditamatkan pada pukul 5.45 petang. – KOSMO! ONLINE

### **3. Bayi lelaki ditinggalkan dalam peti pelindung bayi**

JOHOR BAHRU: Seorang bayi lelaki dipercayai berusia tujuh hari ditinggalkan dalam peti pelindung bayi di sebuah rumah kebajikan di sini, 9 Januari lalu.

Pegawai Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor Bahru, Adnan Md Yassin, berkata bayi itu ditemukan jam 7.45 petang oleh seorang pekerja rumah kebajikan sebelum membuat laporan polis.

Menurutnya, terdapat beberapa barangan keperluan bayi diletakkan di dalam peti berkenaan bersama bayi terbabit.

"Tiada sebarang dokumen pengesahan kelahiran atau dokumen pengenalan ibu ditemukan di dalam peti pelindung itu.

"Bayi dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) bagi rawatan. Difahamkan tiada pihak yang ditahan berkaitan kes berkenaan," katanya.

Adnan berkata, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak semalam memutuskan untuk menempatkan bayi berkenaan di Yayasan Orphanage cawangan Johor Bahru bagi membolehkan pelindung kanak-kanak menyediakan dokumentasi bagi pendaftaran kelahirannya di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

### **4. Bapa muda didakwa rogol remaja bawah umur**

Lelaki didakwa rogol remaja bawah umur



Muhammad Eizhan Shah (dua dari kiri) ketika dibawa keluar dari Mahkamah Seksyen di sini pada Selasa.

MELAKA - Seorang penganggur didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar tingkatan empat kira-kira jam 10 malam 11 Januari lalu.

Muhammad Eizhan Shah Abdullah, 19, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah selepas dua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim, Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun lapan bulan dengan cara menyentuh anggota sulit remaja itu.

Pendakwaan dijalankan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Muhammad Eizhan turut berdepan satu lagi pertuduhan di bawah Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan yang boleh dipenjara antara 10 hingga 30 tahun dan juga sebatan atas dakwaan merogol remaja sama.

Difahamkan, tertuduh yang telah berkahwin itu dikatakan mengekori remaja perempuan berkenaan sebelum bertindak menarik mangsa ke dalam bilik stor bagi melakukan perbuatan terbabit.

Pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Fiqri Hakim Zamri memohon mahkamah untuk tidak membenarkan jaminan kerana kesalahan dilakukan adalah serius.

Beliau mencadangkan jaminan RM50,000 jika mahkamah ingin menggunakan budi bicara.

Tertuduh yang diwakili peguam, Muhamad Syah Azlan Abdullah merayu jumlah berkenaan dikurangkan kerana tertuduh mempunyai seorang anak berusia setahun.

Katanya, tertuduh baharu diberhentikan kerja sebagai pembantu kedai peralatan logam selepas ditahan polis.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 serta dilarang mengganggu mangsa yang juga saksi pendakwaan selain menetapkan 29 Mac depan sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen.

## 5. Bot bertembung, warga emas maut



(Foto JBPM Perak)

**PANTAI REMIS, 14 Februari-** Seorang maut manakala dua lagi selamat dalam kemalangan melibatkan dua bot nelayan yang bertembung di Kuala Bagan Panchor, di sini pagi tadi.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata insiden mengakibatkan warga emas berusia 63 tahun jatuh ke lautan, manakala dua lagi berjaya diselamatkan oleh nelayan tempatan.

"Mangsa yang hilang telah ditemukan oleh nelayan tempatan dengan anggaran jarak sejauh tiga kilometer dari kawasan muara laut.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan," katanya menerusi kenyataan.

Mayat kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

## 6. Banjir kilat di Slim River [METROTV]



HUJAN lebat tanpa henti bermula petang semalam sehingga malam tadi menyebabkan kawasan Trolak Pekan dan Kampung Rasau Tengah di Slim River, dilanda banjir kilat.

Ia menyebabkan 22 penduduk Kampung Rasau Tengah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara ( PPS) iaitu di Dewan Orang Ramai Kampung Rasau.

Seramai 54 penduduk Trolak Pekan pula dipindahkan ke PPS di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Trolak Pekan.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian banjir itu kira-kira 9 malam. "Semua mangsa banjir berjaya dipindahkan ke PPS terbabit , namun bomba masih menjalankan kerja-kerja pemantauan di kawasan yang dilanda banjir," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, mangsa banjir turut dibantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Muallim, Pejabat Daerah Muallim dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).